

02 MAY 1998

MENTERI LUAR JEPUN TIBA HARI INI UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Jepun, Keizo Obuchi dijadual tiba di sini malam ini untuk persinggahan kedua dalam rangka lawatan lima hari ke negara-negara Asia Tenggara.

Obuchi akan tiba dari Bangkok dan ini merupakan lawatan pertama beliau ke Malaysia sejak memegang jawatan itu September lepas.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Obuchi akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau juga dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Obuchi diiringi delegasi seramai 26 orang yang terdiri daripada para pegawai daripada Kementerian Luar, perdagangan, pertanian, perhutanan, perikanan dan kewangan. Beliau akan berlepas ke Singapura pada Rabu.

Menurut kenyataan itu, lawatan oleh Obuchi itu menandakan betapa pentingnya hubungan Malaysia-Jepun dan akan memperkukuhkan hubungan baik antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

WNZ RHM AKD